

Projek perintis transformasi nelayan berjaya – Muhyiddin

KUALA LUMPUR 22 Mei – Projek perintis transformasi nelayan yang bermula awal tahun ini dilihat berjaya apabila sebilangan nelayan miskin mampu mengubah taraf hidup dan sosio ekonomi mereka.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, projek perintis yang menggunakan kaedah pembelian bot lama dan kecil dengan menggantikan bot baru melalui pinjaman itu membolehkan para nelayan kerap ke laut mencari rezeki.

“Sebagai contoh, biasanya nelayan akan ke laut dalam 18 hari sebulan menggunakan bot kecil yang usang, tetapi dengan bot baru yang lebih besar para nelayan akan lebih kerap ke laut dalam kumpulan seramai tiga ke lima orang iaitu 23 hari sebulan dan ini lebih baik,” katanya kepada pemberita selepas melancarkan Pameran Lukisan Amal Menjana Seni Catan Untuk Pembangunan Masyarakat Nelayan di sini hari ini.

Muhyiddin berkata, keadaan ini juga akan meningkatkan pendapatan para nelayan dengan hasil tangkapan yang lebih banyak iaitu antara RM1,200 dan RM1,400 berbanding RM500 hingga RM600 sebulan.

“Untuk menggantikan dengan bot baru, kerajaan menyediakan pinjaman melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) sebanyak RM85,000 yang dikongsi bersama ahli kumpulan nelayan untuk sebuah bot besar,” katanya.

Beliau berkata, nelayan tersebut perlu membayar balik pinjaman itu secara ansuran pada bulan ketiga, di mana nelayan itu masih mempunyai baki daripada pendapatan terdahulu dan pinjaman yang dibayar untuk dijadikan simpanan.

“Saya sudah arahkan LKIM untuk memberi pinjaman kepada nelayan yang paling miskin kerana matlamat projek ini adalah untuk membendung kemiskinan nelayan, mereka yang masih mampu boleh mohon pinjaman melalui kaedah lain seperti Bank Rakyat,” katanya.

Beliau berkata, terdapat kira-kira 86,000 nelayan miskin di seluruh negara dan kerajaan akan meminta kerjasama persatuan nelayan untuk merekod pendapatan nelayan bagi mengenal pasti tahap kemiskinan mereka.

Pameran lukisan amal anjuran Yayasan Nelayan Malaysia (Yanem) dan Anugerah Art Gallery menampilkan lukisan-lukisan daripada pelukis terkenal di mana sumbangan bidaan lukisan tersebut akan disalurkan kepada Yanem untuk kebajikan masyarakat nelayan.

– Bernama